

Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang

Raihanah Haji Abdullah

Abstract

The article discusses at length the ethical problems of Muslim society from Islamic perspective, as well as try to differentiate between moral, ethics and law and its relationship. It also makes a list of illegal doings in perspectives of criminal laws as well as, to Islamic law and then explains penalties for those offences committed by Muslims.

Pendahuluan

Malaysia sebagaimana negara-negara yang lain di dunia ini tidak terlepas dari pelbagai masalah moral di kalangan masyarakatnya. Hal ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh pembangunan sosio-ekonomi negara tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran dan peribadi individu tersebut. Akibatnya, krisis moral dalam masyarakat kita membimbangkan sehingga menyebabkan wujudnya pelbagai kes seperti pelacuran, sumbang mahram, penganiayaan kanak-kanak dan isteri, pembuangan bayi, penagihan dadah dan sebagainya.

Oleh itu artikel ini akan membincangkan tentang persoalan moral masyarakat Islam di Malaysia. Isu tersebut akan dikupas dari perspektif undang-undang yang terpakai bagi memperlihatkan sejauhmana keberkesanan undang-undang dalam mengawal dan mengurangkan gejala moral dalam masyarakat. Beberapa perbuatan yang tidak bermoral dalam masyarakat akan dipilih untuk tujuan artikel ini.

Permasalahan Moral Dalam Masyarakat

Perkataan moral dan akhlak adalah dua perkataan yang sering digunakan bagi merujuk kepada tingkahlaku manusia samada ianya sesuatu yang baik ataupun buruk. Cumanya apabila memperkatakan tentang akhlak, maka ia sesuailah dengan dua buah Hadis yang bermaksud:

*“Sesungguhnya akhlak Rasulullah s.a.w itu adalah al-Quran” dan
“Sesungguhnya aku (Rasulullah s.a.w) dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak”.*

Kedua-dua Hadis tersebut menggambarkan bahawa perkataan akhlak yang merujuk kepada tingkahlaku manusia adalah berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya sesuatu perbuatan atau tingkahlaku manusia itu tidak berasaskan kepada dua sumber utama itu maka perbuatan dan tingkahlakunya adalah dianggap sebagai tidak berakhlek. Bagaimanapun perbuatan manusia yang dikatakan sebagai beretika atau bermoral itu adalah tertakluk kepada sesuatu masyarakat. Sekiranya masyarakat menganggap bahawa tingkahlakunya itu adalah sesuatu yang boleh diterima di kalangan masyarakat mereka, maka ia akan disebut sebagai perbuatan yang beretika dan begitulah sebaliknya.

Bagaimanapun perbuatan-perbuatan seperti penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak dan isteri, pelacuran dan juga penagihan dadah adalah perbuatan-perbuatan yang bukan sahaja melanggar nilai-nilai murni Islam tetapi juga bertentangan dengan etika dan moral masyarakat. Bahkan perbuatan-perbuatan tersebut merupakan suatu fenomena antarabangsa yang perlu ditangani oleh keseluruhan masyarakat. Bukan setakat itu sahaja, perbuatan-perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan peruntukan undang-undang di Malaysia. Ini bermakna sesiapa yang melakukan perbuatan tersebut merupakan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan hukuman tertentu mengikut perbuatan salah yang dilakukannya.

Bagaimanapun perbuatan-perbuatan seperti khalwat, meminum minuman yang memabukkan, tidak berpuasa, melakukan perbuatan yang tidak sopan di tempat awam dan berzina, perbuatan-perbuatan ini adalah juga bertentangan dengan syariat Islam dan hanya merupakan suatu kesalahan di bawah Undang-undang di Malaysia sekiranya ia dilakukan oleh masyarakat Islam. Sebaliknya jika perbuatan yang disebutkan itu dilakukan oleh masyarakat bukan Islam, perbuatan tersebut bukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang di Malaysia.

Di bawah ini dinyatakan senario perbuatan-perbuatan yang melanggar moral dan etika masyarakat di Malaysia.

Penganiayaan Kanak-kanak, Sumbang Mahram dan Penderaan Isteri

Sebelum tahun 1985, masalah penganiayaan kanak-kanak tidak diketahui secara spesifiknya di Malaysia. Bagaimanapun ia semakin mendapat perhatian dari masyarakat

apabila terdapat kes-kes di mana ibubapa atau penjaganya telah melakukan kemudaratian fizikal, mental dan seksual kepada kanak-kanak tersebut sehingga ada yang menyebabkan kematian. Perbuatan yang sedemikian adalah salah kerana ia telah mendatangkan kemerbahayaan kepada mangsanya. Seperti kata Freeman, jika sekiranya perbuatan tersebut adalah di luar batasan kemanusiaan dan boleh mendatangkan kemudaratian maka ini dianggap sebagai telah melakukan penderaan fizikal.¹ Pandangan Freeman ini bagi membezakan antara perbuatan yang berbentuk pukulan sosial dan pukulan yang memudaratkan.

Bagaimanapun penganiayaan dan penderaan dari sudut emosi adalah sukar untuk dilihat dengan mata kasar seperti pengabaian dan penafian hak, mencaci, mengugut dan juga menjatuhkan maruah mangsa. Begitu juga penganiayaan yang boleh memberi kesan fizikal dan mental iaitu penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Seperti perbuatan mencabul dan merogol kanak-kanak, memaksa kanak-kanak menonton bahan-bahan lucu atau filem “porno” yang dilakukan oleh samada ahli keluarga ataupun tidak.

Statistik yang dikeluarkan oleh “*Suspected Child Abused and Neglect*” (SCAN), di Hospital Kuala Lumpur semenjak tahun 1985 menunjukkan bahawa kes penganiayaan kanak-kanak meningkat dari tahun ke setahun seperti dalam Jadual 1:-

Jadual 1
Penderaan Kanak-kanak 1985-1993 dari SCAN, HKL.

Bentuk	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	Jumlah
Fizikal	20	44	38	49	71	93	110	72	104	601
Seksual	1	6	11	23	37	25	38	31	75	247
Pengabaian	4	13	21	8	32	59	63	66	91	357

Sumber: SCAN

Jadual 1 menunjukkan bahawa penganiayaan fizikal yang dilakukan terhadap kanak-kanak banyak berlaku jika dibandingkan dengan jenis-jenis penganiayaan yang lain iaitu penganiayaan seksual dan emosi. Bagaimanapun ketiga-tiga jenis penganiayaan tersebut menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Bahkan Dr. Kasmini Kassim berpendapat, jika trendnya sedemikian seperti dalam jadual 1, maka ada kemungkinan kes penganiayaan dan penderaan kanak-kanak akan meningkat untuk tempoh lima tahun akan datang.²

Manakala mangsa yang terlibat kebanyakannya terdiri dari kaum Melayu. Dimana seramai 32 kes mangsa adalah Melayu berbanding dengan 4 kes bagi kaum Cina, 6 kes bagi kaum India dan 3 kes bagi lain-lain kaum.³

Jadual 2 pula menunjukkan pembahagian umur dan jenis penderaan yang dilakukan terhadap kanak-kanak.⁴

Jadual 2

Pembahagian umur dan jenis penderaan.

Umur	Fizikal	Seksual	Emosi	Jumlah
0-4 thn.	10	1	1	12
5-9 thn.	5	10	0	15
10-14 thn.	7	8	1	16
15-18 thn.	4	3	0	7

Jadual 2 menunjukkan bahawa penderaan fizikal banyak berlaku terhadap kanak-kanak dalam lingkungan 0-4 tahun. Manakala penderaan seksual dilakukan terhadap kanak-kanak yang berumur sekitar 5-9 tahun. Tetapi mereka yang berumur dalam lingkungan 10-14 tahun merupakan peringkat umur yang paling ramai menjadi mangsa penderaan fizikal, seksual dan emosi.

Selain daripada penganiayaan kanak-kanak, fenomena yang dianggap lebih malang dan dahsyat oleh masyarakat hari ini, ialah apabila keluarga sendiri melakukan hubungan seksual terhadap kanak-kanak.⁵ Keluarga yang dimaksudkan itu adalah samada bapa, datuk, abang atau bapa saudara. Kesalahan seperti ini dipanggil sebagai *sumbang mahram*. Perbuatan ini bukan sahaja bertentangan dengan moral dan budaya masyarakat Malaysia tetapi ia juga bertentangan dengan undang-undang di Malaysia. Jadual 3 menunjukkan pecahan keluarga yang melakukan sumbang mahram.

Jadual 3

Pecahan mengikut kategori keluarga adalah seperti berikut:

	1995	1996	1997 (Jan-Apr)
Bapa Kandung	62	65	20
Bapa Saudara	27	28	10
Abang Kandung	10	15	2
Adik Kandung	-	1	-
Datuk	7	5	1
Saudara Terdekat	23	21	11
Bapa Tiri	27	41	8

Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang

Abang Tiri	3	2	2
Abang Ipar	9	13	1
Saudara Jauh	5	9	1
Jumlah	173	200	56

Sumber: Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.

Daripada jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan bapa kandung yang melakukan perbuatan sumbang adalah melebihi dari bilangan keluarga terdekat yang lain. Ini diakui sendiri oleh Prof Madya Dr. Abdul Hadi Zakaria yang mendapati bahawa nisbah bapa kandung merogol anak sendiri adalah dua kali ganda berbanding dengan perbuatan bapa tiri yang merogol anak tiri mereka.

Dalam kajian beliau juga mendapati bahawa kebanyakan perbuatan sumbang mahram berlaku di kalangan masyarakat Melayu berbanding dengan kaum yang lain. Umur pesalah yang kerap melakukan perbuatan sumbang mahram tersebut adalah di antara 34 - 49 tahun sekalipun terdapat pesalah yang berumur 60 ke atas. Manakala latar belakang pekerjaan pula menunjukkan pesalah terdiri dari mereka yang bekerja sebagai buruh, pengawal keselamatan, penoreh getah dan juga peneroka FELDA.

Manakala mangsa pula 70% melibatkan remaja yang berusia 16 tahun ke bawah terutama yang baru sahaja akil baligh. Manakala usia paling tua melibatkan wanita berusia 28 tahun. Bagaimanapun terdapat juga kes di mana seorang bapa saudara meliwat anak saudaranya yang berusia 8 bulan.⁶

Perbuatan sumbang mahram ini boleh mengakibatkan banyak masalah moral yang lain seperti pembuangan bayi jika sekiranya mangsa mengandung, remaja lari dari rumah,⁷ penagihan dadah, konflik peribadi dan banyak lagi.

Selain dari kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam keluarganya sendiri, isteri juga tidak terlepas dari terlibat dengan kes-kes keganasan rumah tangga. Isu ini memang mendapat perhatian masyarakat Malaysia terutama apabila keganasan itu melibatkan kes-kes yang serius dan teruk.⁸ Keganasan yang biasa dilakukan ialah seperti sepak terjang ketika mengandung, ditumbuk, ditikam, disiram dengan air panas dan banyak lagi. Kebanyakan deraan yang dilakukan semakin serius dan tidak berperi kemanusiaan. Perbuatan seperti ini biasanya dilakukan oleh mereka (suami) yang penagih dadah, pemabuk dan juga mereka yang mempunyai konflik dalaman (jiwa). Biasanya perbuatan mendera dilakukan akibat dari sifat-sifat cemburu, curang, masalah kewangan dan juga pelbagai masalah sosial.⁹

Jadual 4 menunjukkan bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut kontijen sebagaimana yang dilaporkan oleh pihak Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Jadual 4**Perangkaan Kes-kes Keganasan Rumahtangga Dalam Tempoh Jan-Jun 1996**

	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	J/Kes	Tangkapan
Perlis	-	-	-	-	-	-	-	-
Kedah	6	8	9	3	3	2	31	-
P/Png.	-	13	-	20	18	12	63	-
Perak	-	-	-	-	-	3	3	-
Sel.	84	65	71	96	88	98	502	1
K.L	44	23	22	14	21	24	148	-
N.S.	17	13	22	23	22	14	111	-
Melaka	1	-	1	1	4	1	8	-
Johor	2	-	1	4	3	1	10	-
Pahang	5	-	1	1	2	3	12	-
Treng.	-	-	-	1	1	-	2	-
Kltan.	-	-	-	-	-	-	1	-
Sabah	1	1	1	-	-	-	3	-
S/wak	-	1	1	1	1	-	4	-
Jum	160	128	124	166	163	158	889	1
1995	117	120	120	128	117	77	681	2
Naik/ Turun	+43	+8	+4	+38	+46	+81	+218	+5
%	36.7	3.3	3.3	30.3	39.3	105.0	32.0	250.0

Sumber: Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman.

Dalam jadual 4 ini menunjukkan bahawa kes-kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan kepada pihak polis banyak berlaku di kawasan bandar seperti di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Seperti dengan kes-kes sebelum ini, masalah keganasan rumahtangga juga banyak berlaku di kalangan kaum Melayu iaitu sebanyak 60%, 30% bangsa India dan 10% bangsa Cina.¹⁰

Kesalahan-kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusailaan

Di bawah Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia

Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan ini adalah kesalahan yang mempunyai hubungan dengan perlakuan seksual. Masyarakat Islam yang melakukan kesalahan ini boleh didakwa dan dikenakan hukuman di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia. Ini termasuklah kesalahan-kesalahan seperti khalwat, zina, homoseksual (*musahaqah*), pelacuran, muqaddimah zina, berkelakuan tidak sopan di tempat awam dan juga lelaki berlagak seperti perempuan. Kesalahan-kesalahan ini hanyalah diklasifikasikan sebagai berhubungan dengan kesusailaan apabila undang-undang baru jenayah Syariah dikuatkuasakan menggantikan Enakmen Pentadbiran Negeri yang telah menyenaraikan kesalahan-kesalahan tanpa sebarang kategori. Kesalahan-kesalahan yang dilaporkan oleh Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dari tahun 1990-1996 mendapat bahawa kesalahan khalwat merupakan kesalahan yang paling banyak disabitkan berbanding dengan kesalahan-kesalahan yang lain. Kesalahan homoseksual (*musahaqah*) telah menunjukkan bahawa ia banyak berlaku di kalangan golongan muda dari kalangan masyarakat Melayu.¹¹ Dari peringkat remaja perlakuan homoseksual ini menular menjadi homoseksual dewasa. Di Kuala Lumpur terdapat *gay bars* dan juga pusat kaunseling untuk golongan gay dewasa. Pusat kaunseling ini bukanlah satu pusat untuk memulihkan perlakuan abnormal ini tetapi ia adalah pusat untuk menganjurkan aktiviti transeksual dan tempat untuk mendapatkan maklumat mengenai pasangan-pasangan gay.¹²

Manakala kesalahan-kesalahan lain seperti tidak memberi keadilan kepada isteri-isteri, menganiaya isteri, isteri *nusyuz*, bercerai dan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah dan banyak lagi adalah merupakan suatu kesalahan matrimonial yang diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam. Kesalahan-kesalahan ini adalah juga dianggap sebagai permasalahan moral masyarakat Islam kerana ia boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam rumahtangga khususnya dan kepada masyarakat umumnya.

Peruntukan Undang-undang dan Permasalahan Moral Masyarakat

Bagi kesalahan-kesalahan penganiayaan kanak-kanak, sumbang mahram dan penderaan isteri, ia boleh disabitkan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang memberi jaminan kebajikan kepada kanak-kanak dari sebarang penganiayaan, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 yang memberi perlindungan interim kepada mangsa, Kanun Kesiksaan yang umum pemakaianya kepada sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan deraan terhadap mana-mana individu dan juga Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 dalam Seksyen 127 bagi kesalahan menganiaya isteri.

Dalam Seksyen 26 (1) Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang menganiayai, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, ditinggalkan atau didedahkan sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali”

Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 ini yang telah menggantikan Akta Kanak-kanak & Orang Muda 1947¹³ adalah bertujuan untuk melindungi hak dan kebajikan kanak-kanak. Bagaimanapun sekiranya berlaku penderaan seksual terutama yang dilakukan oleh keluarga sendiri (sumbang mahram), pesalah akan dikenakan hukuman di bawah Seksyen 375 Kanun Kesiksaan.

Bagi kesalahan penderaan dan penganiayaan isteri, Akta Keganasan Rumah tangga 1994 akan memberi perlindungan interim kepada mangsa. Akta 1994 ini bagaimanapun tidak menganggap kesalahan penderaan isteri sebagai suatu kesalahan jenayah. Ini adalah kerana hukuman hanya akan dikenakan kepada pesalah sekiranya pesalah melanggar perintah yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah. Hukuman yang dikenakan adalah denda tidak melebihi RM2000 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, hanya terdapat peruntukan mengenai penderaan isteri. Seksyen 127 Akta 1984 memperuntukkan:

“Seseorang yang menganiayai isterinya atau menipu isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali”

Bagi kesalahan-kesalahan penganiayaan kanak-kanak dan sumbang mahram, tiada peruntukan dalam Akta 1984. Bagaimanapun kesalahan sumbang mahram merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia.

Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia adalah undang-undang yang memperuntukkan tentang beberapa kesalahan jenayah Syariah yang telah dikuatkuasakan di beberapa buah negeri. Undang-undang ini adalah satu undang-undang yang khusus berhubung dengan kesalahan jenayah Syariah. Undang-undang Jenayah Syariah yang dikuatkuasakan oleh negeri-negeri adalah seperti berikut:

Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang

- Enakmen Kanun Jenayah Syariah, Kelantan (No.2/1985)
 - Kanun Jenayah Syariah, Kedah (No.9/1988)
 - Enakmen Kesalahan Syariah, Negeri Melaka (No.6/1991)
 - Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, Sarawak. (No.6/1991)
 - Enakmen Jenayah (Syariah), Perak (No.3/1992)
 - Enakmen Jenayah Dalam Syarak, Perlis (No.4/1993)
 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, Negeri Sabah (No.3/1995)
 - Enakmen Jenayah Syariah, Selangor (No.9/1995)
 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, Negeri Pulau Pinang (No.3/1996)
 - Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (No.559/1997)
- Bagi negeri-negeri lain selain dari yang disebutkan di atas, kesalahan-kesalahan jenayah adalah diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Negeri.

Kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Jenayah Islam ini boleh dibahagikan kepada 8 Bahagian. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

- Berhubungan dengan Aqidah
- Berhubungan dengan kesucian Agama Islam dan Institusinya
- Berhubungan dengan kesusilaan
- Pelbagai kesalahan
- Penyubhanan dan Percubaan.

Kesalahan sumbang mahram dan pelacuran adalah diperuntukkan di dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. Kedua-dua kesalahan ini diletakkan di bahagian “*berhubungan dengan kesusilaan*”. Ini bermakna kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan dengan kesusilaan ini lebih berbentuk kesalahan yang berkaitan dengan seksual.¹⁴

Hukuman bagi kesalahan sumbang mahram sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 1997:

“Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang mahram adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.

Bagaimanapun hukuman yang dikenakan bagi kesalahan sumbang mahram bagi negeri-negeri Kelantan, Kedah dan Perlis adalah denda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya mereka tidak tinggal bersama.¹⁵

Manakala bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, hukuman bagi kesalahan sumbang mahram adalah penjara tidak melebihi 3 tahun.

Bagi kesalahan pelacuran pula, Undang-undang di Malaysia tidak menganggap pelacuran sebagai suatu kesalahan jenayah melainkan di bawah Undang-undang Jenayah Islam sahaja. Seksyen 21 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan:

- “(1) Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.*
- (2) Mana-mana orang yang melacurkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya; atau menyebabkan atau membenarkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya melacurkan diri, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.*

Manakala dari segi hukuman pula, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 telah memperuntukkan bahawa hukuman yang dikenakan adalah tidak melebihi dari RM1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Bagaimanapun apabila Akta ini dipinda pada tahun 1984, hukuman yang dikenakan telah dinaikkan dan ditambah dengan hukuman sebat. Iaitu denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tidak melebihi 3 tahun atau sebat 6 rotan atau apa-apa gabungan hukuman tersebut. Sejak dari pindaan ini, kesalahan-kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan moral dan kesusilaan telah dikenakan hukuman yang diperuntukkan. Ini boleh dilihat umpamanya dalam Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985; hukuman sebat yang dikenakan sebagaimana pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 adalah pada 4 kesalahan iaitu zina, muqaddimah zina, liwat dan meminum minuman yang memabukkan. Hukuman sebat ini juga diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan seperti perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari dan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabi’i.

Peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan jenayah di dalam Akta 1997 ini adalah lebih luas skopnya dan hukuman yang dikenakan lebih berat berbanding dengan peruntukan kesalahan yang terdapat di dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1986. Dengan berkuatkuasanya Akta 1997, segala peruntukan

Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang

mengenai kesalahan jenayah di dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (WP) telah dimansuhkan.

Sekalipun pelacuran tidak dianggap sebagai suatu kesalahan di bawah undang-undang selain dari undang-undang Islam di Malaysia, namun terdapat hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pelacuran. Ini boleh dilihat antaranya seperti berikut:-¹⁶

Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973

Seksyen-sekyen yang berkaitan ialah:

Seksyen 16, iaitu kesalahan menjual, menyewa, menyediakan, memaksa perempuan melacur, membawa masuk dan membawa keluar perempuan bagi tujuan pelacuran, mengurung perempuan, mengiklan bagi tujuan pelacuran.

Seksyen 18, iaitu kesalahan menjual, membeli, mengedar atau menyediakan perempuan masuk atau keluar dari Malaysia bagi tujuan pelacuran.

Seksyen 19, iaitu kesalahan orang-orang yang hidup daripada pendapatan pelacur.

Seksyen 20, iaitu kesalahan yang berkaitan dengan pengurusan tempat rehat awam yang menyimpan pelacur.

Seksyen 21, kesalahan berkaitan dengan tempat pelacuran.

Seksyen 22 kesalahan pelacur mencari pelanggan di tempat awam.

Kanun Kesiksaan

Seksyen 366, kesalahan mencolek atau melarikan perempuan dengan paksaan bagi dijadikan pelacur.

Seksyen 372, kesalahan menjual mana-mana orang yang berumur kurang daripada 21 tahun bagi tujuan pelacuran.

Seksyen 373, kesalahan membeli mana-mana orang yang berumur kurang daripada 21 tahun bagi tujuan pelacuran.

Seksyen 373A, kesalahan mengimport dengan jalan menipu, membawa masuk, menjual atau membeli perempuan bagi tujuan pelacuran.

Ordinan Kesalahan Kecil 1955

Seksyen 18, tentang kesalahan terhadap tuan punya hotel, kedai dan yang seumpamanya yang membenarkan pelacur tinggal bagi tujuan pelacuran

Seksyen 27(b), kesalahan terhadap pelacur yang berkelakuan tidak sopan di tempat-tempat awam.

Daripada peruntukan mengenai pelacuran tersebut terdapat dua peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan yang melibatkan kegiatan pelacur iaitu Seksyen 22 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Seksyen 27 (b) Ordinan Kesalahan Kecil

1955. Dalam Seksyen 22 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis telah memperuntukkan bahawa:

“Barang siapa yang berada di mana-mana tempat peranginan awam yang memujuk atau mendesak mana-mana orang bagi tujuan pelacuran atau tujuan-tujuan tak bermoral yang lain adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabit, hendaklah dihukum penjara yang tidak melebihi enam bulan atau dengan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali iaitu penjara dan denda”.

Seseorang yang memujuk untuk tujuan pelacuran atau apa-apa perbuatan yang tidak bermoral adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen tersebut. Perbuatan ‘*tidak bermoral*’ yang dimaksudkan di sini ialah sesuatu yang di luar batas susila, adat tempat tersebut dan di luar batasan agama yang dianut oleh orang tersebut.¹⁷

Manakala dalam Seksyen 27(b) Ordinan Kesalahan Kecil 1955 memperuntukkan bahawa:

“Setiap pelacur yang berkelakuan tidak sopan atau tidak bermaruah di mana-mana jalan awam atau di mana-mana tempat peranginan awam adalah dianggap pemalas dan orang yang tidak tentu arah dan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM100 atau dipenjara selama tempoh yang tidak melebihi sebulan atau kedua-duanya sekali”.

Tidak terdapat definisi tentang kedua-dua istilah iaitu ‘*tidak sopan*’ atau ‘*tidak bermaruah*’ dalam Ordinan Kesalahan Kecil 1955. Bagaimanapun tidak sopan ditakrifkan sebagai perbuatan salah yang tidak sesuai dengan adat resam dan agama di tempat yang berkenaan (Malaysia), iaitu perbuatan sedemikian boleh menyebabkan orang lain berasa malu. Begitulah juga dengan pengertian tidak bermoral iaitu suatu perbuatan yang di luar tatasusila biasa masyarakat dan masyarakat menganggap perbuatan tersebut menjijikkan serta menjatuhkan martabat bangsa, adat dan agama yang dianuti.¹⁸

Melihat kepada pengertian dan peruntukan Seksyen 27(b) Ordinan Kesalahan Kecil 1955, pelacuran yang merupakan suatu perbuatan yang menyalahi agama dan adat serta tatasusila masyarakat di Malaysia tidak dianggap suatu kesalahan sekiranya ia dilakukan di tempat persendirian tanpa diketahui atau dilihat oleh orang awam. Sebaliknya ia akan menjadi suatu kesalahan sekiranya pelacur itu melakukan perbuatan yang dianggap tidak bermoral dan melanggar tatussila masyarakat apabila ia dilakukan di tempat awam. Ini bermakna sekiranya seseorang pelacur dewasa itu menjalankan kegiatan pelacurannya secara persendirian, maka ia bukanlah suatu kesalahan di bawah peruntukan undang-undang di Malaysia melainkan di bawah Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah sahaja.

Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang

Kalau dilihat dalam Akta 1997 ini, kesalahan bagi hukuman yang maksimum iaitu denda tidak lebih dari RM5,000 atau penjara tidak lebih dari 3 tahun atau sebat 6 rotan atau kombinasi hukuman hanya dikenakan bagi kesalahan yang mempunyai kaitan dengan hubungan seksual yang melanggar syariat Islam. Kesalahan-kesalahan seperti ini dianggap sebagai satu kesalahan yang melanggar tatasusila atau moral masyarakat. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, liwat dan *musahaqah*. Manakala kesalahan seperti meminum minuman yang memabukkan, berjudi, tidak membayar zakat dan fitrah, maka ini tidak dianggap sebagai kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan. Kerana itu kesalahan meminum minuman yang memabukkan dan berjudi sekalipun ia adalah bertentangan dengan jenayah Islam dan moral masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan, namun undang-undang tidak menganggap ianya merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman yang maksimum. Hukuman yang dikenakan hanyalah denda tidak lebih dari RM3,000 atau dipenjarakan tidak lebih dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Begitu juga dengan kesalahan khalwat, persediaan melakukan persetubuhan luar nikah, orang lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan yang tidak sopan di tempat awam adalah kesalahan di bawah Bahagian IV iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan. Namun hukuman yang dikenakan bukanlah hukuman maksimum.

Apabila Akta 1997 mula dikuatkuasakan, masyarakat Islam yang terlibat melakukan kesalahan pelacuran akan dikenakan hukuman di bawah Akta tersebut. Bagi masyarakat biasa, mereka bertanggungjawab untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa terutamanya Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan apabila mereka mengetahui mana-mana orang berniat atau telah melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta 1997. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 9, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 iaitu:-

“Tiap-tiap orang yang mengetahui pelakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan apa-apa kesalahan hendaklah dengan serta merta memberikan maklumat kepada pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawesi polis yang terdekat tentang pelakuan atau niat itu”.

Pihak berkuasa akan bertindak berdasarkan maklumat dan aduan yang diterima oleh orang ramai atau mangsa bagi kesumbang mahram. Bagaimanapun bagi kesalahan-kesalahan yang tidak boleh ditangkap iaitu kesalahan-kesalahan *Mal* (matrimonial), kes seperti ini perlu mendapat perintah daripada Ketua Pendakwa Syarie. Setelah itu barulah diadakan siasatan dan tindakan selanjutnya. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 55 (1), (2) dan (3) Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Kesimpulan.

Dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa orang-orang Melayu banyak terlibat dengan beberapa permasalahan moral masyarakat di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan permasalahan moral tersebut perlu ditangani oleh undang-undang bagi mengurangkan gejala tersebut di kalangan kaum Melayu.

Di Malaysia, permasalahan moral masyarakat diperuntukan samada dalam Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah ataupun di dalam Undang-undang lain yang berkaitan. Kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kesusilaan dan moral masyarakat di dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia lebih merujuk kepada kesalahan yang mempunyai kaitan dengan hubungan seksual. Kesalahan seperti ini dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah syariah mengikut Undang-undang di Malaysia. Bagaimanapun ramai pengkaji-pengkaji tentang undang-undang Islam di Malaysia bersetuju bahawa kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam Enakmen adalah terhad dan tidak dapat menepati konsep jenayah Islam.¹⁹ Ini adalah kerana kesalahannya tidak menyeluruh di mana tidak terdapat kesalahan seperti membunuh dan juga hukumannya adalah tidak sebagaimana hukuman dalam jenayah Islam. Bagaimanapun bagi kesalahan-kesalahan seperti khawat, muqaddimah zina, berkelakuan tidak sopan, kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai hukuman *ta'zir*.

Ramai pengkaji berpendapat bahawa untuk menangani permasalahan moral masyarakat ini perlu kepada suatu undang-undang yang jelas.²⁰ Sesetengah permasalahan moral yang disebutkan dalam perbincangan ini merupakan permasalahan moral yang baru berlaku dalam masyarakat kita. Oleh itu banyak undang-undang yang baru mula digubal dan dikuatkuasakan. Yang demikian kejayaan dan kegagalan satu-satu undang-undang tersebut tidak dapat diukur untuk satu jangka masa yang singkat. Bagaimanapun sekiranya permasalahan moral masyarakat itu semakin meningkat dari tahun ke tahun, ini menunjukkan bahawa undang-undang yang ada masih gagal untuk membendung permasalahan tersebut. Oleh itu masyarakat Islam secara keseluruhannya perlu bertanggungjawab dalam usaha membentras segala gejala yang dianggap boleh menjatuhkan moral dan akhlak masyarakat Islam di Malaysia.

Sekalipun Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia hanya menghadkan kesalahan-kesalahan tertentu yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan kesusilaan atau melanggar moral masyarakat, namun apa jua kesalahan yang boleh dianggap melanggar nilai-nilai kemanusiaan masyarakat adalah sebenarnya merupakan suatu kesalahan moral. Umpamanya penganiayaan terhadap keluarga dalam bentuk penderaan fizikal, mental dan seksual, pembuangan bayi, penagihan dadah dan banyak lagi. Apa yang sebenarnya bertentangan dengan nilai-nilai akhlak Islam adalah sebenarnya suatu kesalahan sekalipun masyarakat tidak mengendahkannya.

Nota Hujung

1. Freeman, M.D., *Violence in the Family*, Saxon House: England, 1979, m.s.1.
2. Kasmini Kassim, "Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak" dalam *Caring Society, Emerging Issues and Future Directions*, ASIS: Kuala Lumpur, 1992, m.s.103.
3. Lihat dalam Ann Wan Seng dan Khadijah Alavi, *Penderaan Kanak-kanak di Malaysia*, Fajar Bakti: Shah Alam, 1997, m.s. 107
4. Lihat dalam *Ibid.*
5. Lihat dalam New Starits Times, Julai, 1993.
6. Lihat dalam Utusan Malaysia
7. Sabitha Marican & Che Su Mustaffa, "Penelitian Terhadap Remaja Lari Dari Rumah: Punca dan Penyelesaiannya" dalam *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial*, 1995, m.s 4.
8. Lihat dalam Mingguan Wanita 6/10/1989 & 15/9/1989; Berita Harian 18/10/1989 & 26/7/1991; Utusan Malaysia 29/5/1989, 29/8/1989 dan 19/8/1996.
9. Utusan Malaysia, 19 Ogos, 1996.
10. *Ibid.*
11. Utusan Malaysia 11/5/1997.
12. Dr. Maznah Baba, "Remaja Lelaki dan Perempuan Homoseks - Di mana Silapnya" dalam *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial*, 1995, m.s. 20.
13. Seksyen 50 Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.
14. Sebagai contoh lihat Akta 1997, S.20-27 iaitu kesalahan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, liwat, homoseksual (*musahaqah*) dan khalwat.
15. Lihat dalam Seksyen 10 Enakmen Kelantan, 1985; Kanun Kedah, 1988 dan Enakmen Perlis, 1993.
16. Abdul Aziz Hussin, *Undang-undang Terhadap Kesalahan Diri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L: 1990, m.s. 95.
17. *Ibid.* m.s. 100.
18. *Ibid.* m.s. 102.
19. Lihat antaranya Mahmud Saedon A. Othman, "Bidangkuasa Mahkamah Syariah" dalam *Jurnal Hukum*, Jilid vii, Bhg 1, 1990, m.s. 8; Ahmad Mohammad Ibrahim, *Sistem Undang-undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka: K.L., 1985, m.s. 52; Paizah Hj. Ismail, "Pentadbiran Jenayah Islam di Malaysia" dalam *Jurnal Syariah*, Jil: 1, Bil: 1, 1993, m.s. 307.

20. Lihat *op.cit*, Dr. Maznah Baba, m.s. 30; Nor Aini Abdullah, "Gender: Concepts and Legal Provisions on Violence Against Women in Malaysia" Kertas Kerja dalam *International Malaysian Studies Conference*, U.M., 1997, m.s. 9-10; Abdul Aziz Hussin, m.s. 105.